Norhardi Bin Saad

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Saturday, 29 March, 2025 12:21 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: UKHWAH TERJALIN DALAM MAJLIS BERBUKA PUASA YAPEIM MADANI RAMADAN 2025



29 MAC 2025 / 28 RAMADAN 1446H
==========

HEPA ONLINE :



HEPA ONLINE : Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Program Ramadan Madani 1446H/2025M peringkat Negeri Kedah bagi meraikan bulan penuh keberkatan ini.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Profesor Dr. Ahmad Martadha bin Mohamed. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan nilai kebersamaan dan keprihatinan dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat, terutama dalam bulan Ramadan.

Antara pengisian utama majlis adalah penyampaian sumbangan Ihya Ramadan , termasuk penyerahan cek cura YAPEIM bernilai RM10,000 kepada UUM disampaikan oleh Ketua Seksyen Pengurusan Pejabat Pentadbiran YAPEIM Negeri, Azli Abdullah kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed. Penyerahan cek cura YAPEIM juga diberikan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kubang Pasu yang bernilai RM20,000 mewakili 8 buah sekolah rendah dan sekolah menengah yang terpilih. Sumbangan berbentuk pemberian duit raya ini diberikan kepada 300 orang pelajar yang melibatkan pelajar sekolah rendah, menengah, serta mahasiswa UUM.

Majlis turut diserikan dengan sesi tazkirah Ramadan oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Afif Zuhdi dari Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Kedah Perlis. Acara diakhiri dengan majlis berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah di Masjid Sultan Badlishah, UUM.

Majlis ini diharapkan dapat memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat serta menanamkan nilai-nilai murni berlandaskan konsep Malaysia Madani.

#HEPPrihatin
#Keserakanan
#MesraPelajar
#Kebersamaan
#MalaysiaMadani
#UniversitiPengurusanTerkemuka

==========

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman
Malaysia
Tel. : +604 928 4013
Fax : +604 928 4016
E-mail: hep@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.